



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HASIL PADI KOTA BELUD NAIK 36 PERATUS, DAILY EKSPRESS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	PENTERNAK KAMBING TAWAU CIPTA KEJAYAAN DENGAN LADANG KAMBING KOMERSIAL, DAILY EKSPRESS -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	TENGGELOMNYA BOT PENCEROBOH NELAYAN ASING, HARAKAH DAILY -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PRODUK NANAS MALAYSIA BAKAL TEMBUSI PASARAN INDONESIA, EDISI 9 -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5.	AGROBANK PERKASA INDUSTRI NANAS, TAWAR PEMBIAYAAN KEPADA PETANI B40, KLSE SCREENER -ONLINE	AGROBANK

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2024	DAILY ESKPRESS	ONLINE	

Hasil padi Kota Belud naik 36 peratus



ARTHUR bergambar sama dengan penerima sumbangan berlatarkan jentera sumbangan KPKM.

KOTA BELUD: Kota Belud mencatatkan purata pengeluaran hasil padi daripada 3.826 metrik tan kepada 5.2 metrik tan per hektar, iaitu peningkatan sebanyak 36 peratus, manakala keluasan bertanam meningkat dari 3,148 kepada

3,994 hektar.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup, anggaran pendapatan pesawah per hektar juga turut meningkat dari RM5,440 kepada RM7,260 berdasarkan harga belian padi.

Justeru katanya, kebajikan pesawah, peladang, petani dan nelayan serta daya saing sektor pertanian sentiasa menjadi agenda utama kerajaan dalam usaha memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

“Bencana kemarau yang melanda Sabah khususnya di daerah Kota Belud pada bulan Januari sehingga April tahun ini mengakibatkan kerosakan tanaman padi melibatkan kawasan sawah seluas 330.69 hektar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2024	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

Penternak kambing Tawau cipta kejayaan dengan ladang kambing komersial



DR Mary (hadapan - baju biru) dan rombongan JPVS melawat tapak kandang kambing konkrit dan besi yang sedang dalam pembinaan.

SEMUANYA bermula pada 2010 apabila ada seorang pak cik datang ke ladang kambingnya di Kampung Sin Onn Tiku yang mahu membeli anak kambing kerana ada keperluan dan ketika itu beliau mengatakan “ambil sahajalah saya kasi (beri) percuma, saya tidak jual”.

Namun, pak cik itu berkeras ‘mesti beli’ kerana kambing tersebut adalah untuk kegunaan majlis akikah anaknya lalu membayar dengan harga RM500 apabila beliau memberitahu “bagi (bayar) ikut kamu lah,” dan turut menasihatkannya supaya menternak kambing lebih banyak lagi.

Demikian cerita dikongsi David Yip Yat Sing, 47, yang kini mampu tersenyum dengan 400 ekor kambing, termasuk 250 induk daripada baka Boer Kalahari (kambing pedaging) dan Toggenberd Saenen (kambing tenusu) yang pada awalnya hanya bermula dengan seekor pejantan dan dua betina Cross Boer dari Rangu.



DAVID menunjukkan anak kambing kembar yang baru lahir di kandangnya hasil program pembiakan bermutu tinggi yang dilaksanakan.

Lebih menggembirakannya adalah apabila beliau mampu menawarkan harga rahmah untuk para pelanggannya, sekaligus membolehkan mereka mengadakan majlis mengikut keperluan tanpa terbeban dengan harga kambing di Tawau yang dikatakan paling mahal di Sabah, malah mungkin Malaysia, atas faktor permintaan tinggi.

Malah, beliau mengakui sering dikunjungi ibu bapa baharu yang memerlukan susu kambing segar sebagai usaha penawar jaundis (bayi kuning) dan biasanya beliau berikan secara percuma, memandangkan jumlah yang mereka perlukan hanyalah sedikit.

Penternak Jaya 2023 JPVS Sabah dan johan kategori Poster Success Story Projek Pengembangan Veterinar Terbaik peringkat kebangsaan pada Mei 2024 itu, berkata, bidang usaha utamanya adalah penjualan baka kambing betina dan jantan serta penjualan kambing untuk kenduri akikah.



DAVID menyampaikan taklimat success story beliau.

“99 peratus pelanggan saya adalah kaum Melayu untuk kegunaan majlis akikah dan kenduri arwah dan boleh dikatakan permintaan untuk kambing di daerah ini adalah yang tertinggi di negara ini,”katanya yang ditemui di ladangnya, Wira Bintang Farming & Feeds.

Perusahaan syarikatnya merupakan di bawah bimbingan dan seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS) sejak 2010 dalam Program Transformasi Kambing, yang membekalkan 10 ekor kambing betina dan seekor pejantan dari Rangu selepas kandang dibinanya dengan kos RM3, 000 mengikut syarat dan spesifikasi JPVS Tawau pada 2011.

David menjawab pelbagai jawatan di syarikat pertanian dan perladangan sebelum meninggalkan kerjaya terakhirnya sebagai Penolong Pengurus dan memutuskan untuk menjadi penternak kambing pedaging sepenuh masa pada 2016.

Menurutnya, sebelum serius terjun ke dalam bidang penternakan kambing, beliau menghabiskan masa selama enam bulan di Australia untuk belajar idea penternakan (farming idea) serta menghadiri pameran ternakan di luar negara.

“Ketika itulah saya persoalkan diri, kenapa ‘orang putih’ mampu bertahan sehingga 30 generasi lamanya dalam bidang perternakan yang diusahakan tapi di Sabah tidak... Kita pun mahu juga berjaya seperti penternakan lembu di New Zealand dan sebagainya,”katanya.

Katanya, beliau amat bersyukur kerana kejayaan projeknya banyak dibantu JPVS menerusi bimbingan yang diberikan, antaranya menjadi peserta Program Pawah Kambing 2011-2015, peserta Tranformasi Kambing 2015 - 2021 dan penternak dalam Program LTJ (Kawalan Penyakit).

Tambahnya, selain dilantik menjadi fasilitator dalam seminar Pemakanan Ruminan, beliau terlibat dalam sesi perkongsian ilmu secara langsung kepada jabatan dengan membantu mempromosikan produk-produk sampingan Ladang Wira Bintang kepada penternak lain di seluruh Sabah.

Justeru, hasil daya usaha dan kejayaan yang dicapainya setakat ini, David kini mengorak langkah ke arah pengkomersilan penternakan kambing pedaging yang terbaik dan terbesar di Sabah menerusi Projek Komersil Wira Bintang dengan kapasiti muatan 1, 500 ekor induk.

Tahun lepas, pihaknya mendapat kelulusan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) dari Agrobank Sabah dengan nilai enam angka untuk menjadikan ladangnya kepada Ladang Kambing pedaging komersil penuh.



DAVID (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Dr Mary.



Melalui dana itu, beliau memberanikan diri membina kandang kambing konkrit dan besi sepenuhnya (hanya dua peratus kayu) yang kini sedang dalam pembinaan bermula Disember 2023 lalu dan dijangka siap dalam tempoh dua bulan lagi - pertama seumpamanya di Sabah.

Katanya, berbeza dengan kandang tradisional diperbuat dari kayu yang berisiko tinggi untuk bocor sekitar lima tahun sahaja, kandang konkrit dan besi lebih ekonomi kerana mampu bertahan lebih 10 tahun, malah lebih mudah dibersihkan bagi menjamin ternakan bebas penyakit.

“Hasil audit dijalankan JPVS tahun lepas, ladang saya diperakui bebas penyakit dan ketika ini saya juga dalam proses perolehan persijilan myGAP (Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia)... Bukan mudah, tetapi kita usahakan yang terbaik,”katanya.

Tambahnya, beliau juga sedang membangunkan satu sistem sendiri menggunakan teknologi moden yang membolehkan pemantauan ternakan dilakukan dari jauh serta meletakkan tag imbasan bagi mengetahui data setiap kambing di ladangnya.

Berkongsi lanjut, David berkata, beliau mempunyai resepi tersendiri bagi mengelak serangan penyakit dan virus dalam ladang ternakannya menerusi sistem pembiakan yang dipelajarinya menerusi bimbingan JPVS.



PROJEK komersil membabitkan pembinaan kandang kambing diperbuat daripada konkrit dan besi yang sedang dilaksanakan di Wira Bintang Farming & Feeds.

“Pekerja saya hanya dua orang sejak 10 tahun lepas dan hanya menambah seorang sahaja baru-baru ini.... Kerana di ladang saya sistem pemberian makanan ternakan hanya sekali sehari dan tidak sama dengan ladang

konvensional lain yang memberi makan dua hingga tiga kali sehari.

“Sistem ini bukan yang sahaja mudah dan menjimatkan masa serta tenaga tetapi juga memberi keselesaan kepada pekerja apabila hanya bekerja setengah hari... Mereka pun tidak bising (mengeluh),”katanya yang mampu melaksanakan sistem tersebut hasil inovasi dedak buatan sendiri.

Dari segi cabaran perniagaan pula, katanya, beliau berdepan kekurangan tenaga pekerja mahir dalam bidang penjagaan ruminan dan bahan binaan yang semakin mahal menyebabkan kos menaik-taraf kandang semakin sukar serta kos bahan-bahan asas pembuatan dedak tambahan meningkat setiap bulan.

Sementara itu, Pengarah JPVS, Dr. Mary Josephine S. Golvingai mengakui sangat berbangga dengan pencapaian David yang hanya bermula dengan 10 ekor kambing dan kini menjadi penternak berjaya di Sabah, malah memiliki wawasan tinggi untuk mengembangkan lagi perusahaannya menggunakan teknologi tinggi.

Katanya, projek komersil di ladang itu yang kini dalam proses penyiapan kandang konkrit dan besi merupakan yang pertama seumpamanya di negeri ini.

Beliau berharap, projek tersebut akan berjaya bagi membolehkan David menembusi pasaran luar seperti Semenanjung Malaysia, malah, ekport ke luar negara, kelak, memandangkan pasarannya ketika ini terhad hanya di Sabah.



DR Mary menunjukkan plak Blok Bangunan Baru Kandang Kambing Pedaging Wira Bintang Farming & Feeds yang ditandatangani.



DR Mary (ketiga dari kanan) memotong riben simbolik perasmian.

“JPVS juga berharap usaha beliau ini menjadi contoh kepada para penternak kambing samada kecil-kecilan atau besar serta mengambil peluang terhadap status negeri ini yang bebas penyakit berbahaya,”katanya.

Katanya, Sabah memperoleh persijilan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mengesahkan negeri ini bebas penyakit kuku dan mulut, sekaligus membolehkan Sabah mengeksport hasil-hasilan haiwan, misalnya ke negara Brunei Darussalam.

Beliau ditemui ketika hadir merasmikan Blok Bangunan Baru Kandang Kambing Pedaging Wira Binta Farming & Feeds di Batu 7 1/2 Jalan Sin Onn, pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Tenggelamnya bot penceroboh nelayan asing



KUALA TERENGGANU: "Tenggelamnya bot penceroboh nelayan asing sebagai tukun tiruan," kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim.

Menerusi hantaran di laman sosialnya, beliau berkata pagi tadi dilabuhkan dua buah bot nelayan asing Vietnam di perairan Beting Lintang, Besut.

Menurutnya, bot itu telah ditahan oleh Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Terengganu dalam Ops Periksa sebelum ini.

"Bersemadilah dengan aman dan sejahtera sebagai tukun. Balasan setimpal untuk bot nelayan asing penceroboh perairan negara," ujarnya yang juga ADUN Jabi.

Beliau berkata, dari tahun 2018 hingga 2024 sebanyak 196 buah bot nelayan asing telah ditahan oleh pasukan penguatkuasa negara sama ada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Tambahnya, jika disabit bersalah mahkamah boleh menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM6 juta bagi pemunya atau nakhoda.

Kata beliau lagi, sementara awak-awak didenda tidak melebihi RM600,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali dan aset mereka dilucut hak.

Menurut Dr Azman, sejak tahun 2020 sehingga 2023 sebanyak 65 bot nelayan asing telah ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di seluruh daerah di Terengganu. – **HARAKAHDAILY**
17/11/2024

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2024	EDISI 9	ONLINE	

Produk nanas Malaysia bakal tembusi pasaran Indonesia



Sheikh Umar Bagharib Ali (kiri) menyaksikan majlis pertukaran MoU antara syarikat Malaysia dan Indonesia bagi pengeksporan nanas ke negara jiran itu.

SYARIKAT nanas tempatan, Ananas Premium menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan dua syarikat berpangkalan di Indonesia bagi pengeksporan jus nanas dan

nanas premium MD2 ke pasaran tempatan dan serantau.

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) berkata, MoU itu bernilai USD1.5 juta (RM6.3 juta) [dimeterai](#) sempena *Salon International de l'Alimentation* (Sial-Interfood) Indonesia 2024 yang berlangsung di Jakarta, Khamis hari lalu.

“MoU tersebut dimeterai bersama dua syarikat berpangkalan di Indonesia untuk pengeksporan jus nanas dan nanas premium jenis MD2 ke pasaran tempatan dan serantau,” kata kenyataan itu hari ini.

LPNM berkata, majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Pengerusinya, Sheikh Umar Bagharib Ali dan Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M. Salleh.

Penyertaan di Sial-Interfood Indonesia 2024 bukan sahaja menonjolkan kualiti produk nanas Malaysia, tetapi turut memperkenalkan teknologi terkini dan inovasi dalam pemprosesan nanas kepada pengunjung antarabangsa.

“Kejayaan ini adalah kesinambungan momentum daripada kejayaan sebelumnya di Sial Perancis, sekaligus menonjolkan nanas Malaysia di persada dunia.

“Kejayaan ini membuka lembaran baharu buat industri nanas Malaysia, khususnya dalam meningkatkan eksport produk-produk berasaskan nanas. Ia juga menjadi bukti kepada hubungan perdagangan yang semakin kukuh antara Malaysia dan Indonesia,” kata Sheikh Umar Bagharib.

Malaysia kekal komited dalam memperluas pasaran nanas premium seperti MD2 serta pelbagai produk hiran nanas ke peringkat antarabangsa.

Kejayaan ini sejajar dengan slogan “Nanas Power! Sekali Tanam, 3 Kali Tuai” yang mencerminkan keberkesanan teknologi dan produktiviti sektor pertanian Malaysia. – Edisi 9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2024	KLSE SCREENER	ONLINE	

Agrobank perkasa industri nanas, tawar pembiayaan kepada petani B40



Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) merasmikan simbolik perjanjian strategik bersama Ning Planters dan Sarawak Incorporated - Foto ihsan Agrobank

KUALA LUMPUR: Agrobank memeterai perjanjian strategik bersama Ning Planters Sdn Bhd (Ning Planters) dan Sarawak Incorporated Sdn Bhd (Sarawak Incorporated) untuk memacu landskap pertanian negara,

khususnya dalam industri penanaman nanas.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata pemeteraian perjanjian itu adalah langkah strategik dalam memperkasakan industri nanas negara yang menyumbang kepada keterjaminan makanan.

Beliau berkata, Agrobank, sebagai peneraju dalam sektor perbankan pertanian, menawarkan kemudahan pembiayaan kepada usahawan tani B40 di bawah penyeliaan Ning Planters dan Sarawak Incorporated.

Katanya, skop pembiayaan yang ditawarkan merangkumi perniagaan yang berkaitan pertanian pintar, penggunaan mekanisasi, aktiviti pemprosesan dan bioteknologi berasaskan pertanian serta pembangunan agropelancongan.

"Malaysia memiliki kelebihan yang unik dalam industri nanas yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Dengan permintaan global yang semakin meningkat, ini membuka peluang yang luas untuk Malaysia mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar dan pengeksport nanas yang utama.

"Komitmen Agrobank dalam menyediakan pembiayaan dan sokongan yang menyeluruh akan membantu melahirkan lebih ramai usahawan dalam sektor ini, seterusnya memacu pertumbuhan eksport dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan.

Kerjasama strategik itu membolehkan Agrobank meluaskan impak sosial kepada komuniti petani di samping menjadi pemangkin dalam penghasilan nanas yang mampan dan berkualiti tinggi.

Agrobank berharap melalui usaha sama yang dijalinkan dengan Ning Planters dan Sarawak Incorporated dapat melahirkan lebih ramai usahawan tani yang berminat untuk menceburi

industri penanaman nanas yang seterusnya mewujudkan ekosistem pertanian tempatan yang lebih berdaya saing dan mengurangkan kebergantungan import.